

Leveraging Consumer Psychology for Effective Customer Engagement



Norazah Mohd Suki

IGI
GLOBAL

Buku Dr. Norazah Terserai dalam SCOPUS

NST 4.2.2017 4

KOTA KINABALU: Leftenan Kolonel (PA) Prof. Madya Dr. Norazah Mohd Suki (gambar) dari Fakulti Kewangan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengharumkan nama universiti dan negara apabila buku suntingan beliau, terbitan IGI Global, terserai dalam Scopus.

Scopus merupakan sebuah pangkalan data terbesar yang menghimpunkan abstrak dan petikan daripada penulisan-penulisan terkini yang berkualiti tinggi meliputi pelbagai bidang termasuklah sains, teknologi, perubatan, sains sosial serta seni dan kemanusiaan.

Buku bertajuk "Handbook of Research on Leveraging Consumer Psychology for Effective Customer Engagement" itu berkisar tentang kajian-kajian terkini yang relevan dengan pelbagai topik termasuk pegangan, perasaan, sikap dan kehendak pengguna serta bagaimana kajian-kajian tersebut memberi manfaat dalam meningkatkan kepuasan hati dan hubungan baik dengan pengguna.

Buku yang turut menitikberatkan topik-topik kritikal dalam bidang tabii pengguna ini diakui sebagai bahan rujukan yang lengkap buat pengamal pemasaran professional, pengurus, peniaga runcit, eksekutif periklanan serta golongan akademik dalam bidang perniagaan dan psikologi.

ProtoView Reviews, sebuah laman pangkalan data bibliografi yang memuatkan ulasan-ulasan buku penyelidikan, menyebut bahawa buku setebal 20 bab itu memberi manfaat kepada syarikat penerbangan dan industri hiburan yang beroperasi di Malaysia kerana buku itu ada mengkhususkan tentang penilaian strategi pemasaran dalam talian.

Laman itu turut menulis bahawa Norazah memuatkan perspektif golongan akademik dan professional tentang psikologi pengguna, pemasaran dan amalan peruncitan yang efektif dalam meningkatkan tindakan pembelian dalam talian mahupun pembelian secara tradisional.

Sepanjang 14 tahun penglibatan Norazag dalam bidang akademik, beliau telah menerbitkan 18 buku dan 95 kali terserai dalam Scopus Indexed serta memenangi pelbagai anugerah bertaraf dunia seperti Winners of the Seventh Annual Awards Excellence in Research Journal oleh IGI Global.

Terbaru pada tahun ini, beliau diundi sebagai Pembentang Terbaik di Persidangan Antarabangsa Penyelidikan Sains Sosial di Bandung, Indonesia dan memenangi Anugerah Kertas Penyelidikan Terbaik di Persidangan Antarabangsa dalam Perniagaan dan Sains Sosial.

Beliau juga merupakan penerima Anugerah Tokoh Penyelidik UMS 2015 bagi kategori Sains Sosial. -OLEH
MARRYAN RAZAN